

TPPA: Khazanah terbitkan buku panduan

Oleh **FADZIL ZAINOL**

ekonomi@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 12 Nov. - Khazanah Nasional Bhd. (Khazanah) akan menerbitkan buku panduan bagi menilai potensi sesebuah perjanjian perdagangan antara-bangsa yang kompleks seperti Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA).

Pengarah Urusannya, Tan Sri Azman Mokhtar berkata, buku itu akan dihasilkan oleh Institut Kajian Khazanah (KRI) namun kandungannya tidak bermaksud menyokong atau menentang perjanjian seperti TPPA.

“Di peringkat Khazanah, kami masih mengkaji prospek TPPA ini dan masih terlalu awal untuk membuat sebarang kenyataan. Tetapi, KRI akan menghasilkan buku mengenai keperluan perdagangan untuk menjadi panduan bagaimana hendak menilai pembentukan sebuah perdagangan,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menyampaikan syarahan-pada majlis anjuran Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia di sini hari ini.

Seorang pegawai kanan syarikat pelaburan kerajaan itu sebelum ini menyifatkan perjanjian Malaysia di dalam TPPA mampu memberi impak buruk ke-



Di peringkat Khazanah, kami masih mengkaji prospek TPPA ini dan masih terlalu awal untuk membuat sebarang kenyataan. Tetapi, KRI akan menghasilkan buku mengenai keperluan perdagangan untuk menjadi panduan bagaimana hendak menilai pembentukan sebuah perdagangan.”



AZMAN MOKHTAR

Pengarah Urusan Khazanah Nasional

pada kebanyakan syarikat milik kerajaan (GLC) kerana TPPA akan membenarkan syarikat-syarikat asing yang lebih efisien terutamanya dari negara-negara maju me-

masuk ke pasaran tempatan.

Dalam pada itu, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapa Mohamed dilaporkan berkata, kerajaan pada awalnya mahu Khazanah dan Petrolia Nasional Bhd. (Petronas) dikecualikan sepenuhnya daripada perjanjian itu namun mengambil pendekatan yang lebih berkompromi selepas itu.

Khazanah merupakan pemegang utama beberapa GLC utama negara seperti Malaysia Airlines Bhd., UEM Group, Telekom Malaysia, Tenaga Nasional Bhd. (TNB) dan CIMB Group.

Dalam pada itu, Azman berkata, Khazanah menganggap Bank Muamalat Malaysia Bhd. (Bank Muamalat) yang kini sedang mengadakan perbincangan untuk bergabung dengan Malaysia Building Society Bhd. (MBSB) sebagai aset bukan terasnya.

Kata beliau, aset teras syarikat pegangan kerajaan itu dalam sektor kewangan adalah CIMB Group berbanding Bank Muamalat yang hanya dimiliki Khazanah kesan daripada krisis kewangan Asia yang lalu.

“Kami menyerahkan usaha penggabungan ini kepada pemegang saham utama Bank Muamalat (DRB-HICOM). Mereka akan menentukan hasil keputusan ini dan kami akan menilai keputusan itu sama ada sesuai atau tidak kepada kami,” katanya.